

Timbalan Naib Canselor baharu Usim

NILAI – Pengarah Akademi Pendidikan/ Sekolah Makmal Universiti Pendidikan Sultan Idris (Upsu), Profesor Datuk Dr Hassan Basri Awang Mat Dahan dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), semalam.

Pegawai Pusat Komunikasi Strategik, Mohd Zaini Othman berkata, pelantikan itu berkuat kuasa 15 Jun hingga 14 Jun 2018 itu bagi menggantikan Profesor Datuk Dr Mohamed Asin Dollah yang bersara pada

15 April lalu.

Profesor Hassan Basri mempunyai latar belakang pendidikan dalam Bahasa Arab. Beliau graduan berkelulusan Sarjana Muda (Kepujian) Universiti Kuwait (1987), Sarjana (Kesusasteraan) Universiti St Andrews, Scotland (1992) dan mendapat Doktor Falsafah (PhD) dari Universiti Edinburgh, Scotland (2000).

Beliau juga pernah bertugas sebagai penterjemah Kedutaan Malaysia di Kuwait dan pembantu penyelidik Kuwait Zakat House.



Naib Canselor Usim, Profesor Datuk Dr Musa Ahmad bersalaman dengan Profesor Datuk Dr Hassan Basri selepas pelantikan.